

Dining Privileges UOBM

Terma dan Syarat Kad Kredit dan/atau Kad Debit UOBM ("Kad")

Kelayakan

1. "Dining Privileges" United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Reg. No. 199301017069 (271809-K)). ("UOBM") ("Promosi") terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit dan/atau Kad Debit UOB utama dan tambahan yang layak ("Ahli Kad") yang akaun(-akaun)nya adalah dalam keadaan semasa, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlak.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit UOB yang dikeluarkan di Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia ("Kad Kredit dan/atau Debit UOB")
3. Mereka yang berikut tidak layak untuk menyertai Promosi ini :-
 - a. Ahli Kad yang mempunyai akaun(-akaun) yang telah dibatalkan, digantung atau ditamatkan dalam Tempoh Promosi ini;
 - b. Semua Ahli Kad Korporat, Kad Pembelian dan Kad Label Peribadi UOBM;
 - c. Segala akaun yang dipegang dengan UOBM yang didapati delinkuen, atau tidak diuruskan dengan baik sepertimana yang ditentukan oleh UOBM; dan
 - d. Individu yang didapati atau menjadi tidak siaman, telah meninggal dunia, bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dikenakan terhadap mereka.

Tempoh Promosi

4. Tempoh Promosi adalah dari 01 Januari hingga 31 Disember 2023 termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Promosi"), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Mekanisme Promosi

5. Dalam Tempoh Promosi, Ahli Kad layak untuk menikmati tawaran-tawaran istimewa seperti yang dipaparkan dalam laman web Dining Privileges 2023 di www.uob.com.my ("Tawaran Istimewa"), di restoran-restoran yang mengambil bahagian, seperti yang disebut dalam laman web yang di dedikasikan untuk Promosi ini ("Restoran-restoran yang Mengambil Bahagian").
6. Semua bayaran di Restoran-restoran yang Mengambil Bahagian hendaklah dibuat dengan menggunakan Kad Kredit dan/atau Debit UOB untuk mendapat Tawaran Istimewa.
7. Tawaran Istimewa adalah tertakluk kepada cukai jualan & perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang berkenaan, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
8. Promosi ini sah untuk makan di dalam sahaja dan tempahan awal amat disyorkan.
9. Promosi ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain Restoran-restoran yang Mengambil Bahagian.
10. Promosi ini tidak sah pada malam sebelum cuti umum dan cuti umum, kecuali dimaklumkan sebaliknya.

11. Tawaran Istimewa tidak sah untuk tembakau dan minuman beralkohol, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
12. Promosi ini tidak sah untuk sebarang tawaran, promosi, diskaun, menu set, sebarang majlis dan program kesetiaan, kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma dan Syarat Am

13. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan sebarang terma dan syarat-syarat Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/Mastercard. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat akan diguna pakai.
14. Keputusan Restoran-restoran yang Mengambil Bahagian dan/atau UOBM berhubung dengan setiap aspek Promosi ini dianggap muktamad dan terikat. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada Ahli Kad tidak akan dilayan.
15. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perwakilan atau salah tafsiran fakta oleh manamana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Promosi dan/atau Tawaran Istimewa yang diterbitkan dalam mana-mana bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan.
16. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan berkenaan dengan Promosi ini dan Tawaran Istimewa.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan / atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi, melainkan jika timbul daripada kecuai kasar UOBM atau salah laku semata-mata.
18. UOBM tidak mempunyai perkaitan dengan Restoran-restoran yang Mengambil Bahagian dan tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti makanan dan minuman dan / atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka.
19. UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ketidakpuasan hati dengan kualiti makanan dan minuman dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh restoran-restoran yang Mengambil Bahagian.
20. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
21. UOBM berhak untuk menambah, memotong , menggantung atau mengubah terma dan syarat promosi, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan

memberi dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM dan / atau mesej pernyataan ke dalam penyata Akaun.

22. UOBM berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
23. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
24. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan di UOBM 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04- 2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), 088-477 121 (Kota Kinabalu).

Tamat